



Direka khas untuk kenderaan Tesla baharu, InsureMyTesla menawarkan perlindungan istimewa untuk memberikan anda ketenangan.

Daripada perkhidmatan tunda 24 jam bagi kehabisan bateri sehingga ke perlindungan pengecas elektrik, polisi khusus EV ini menawarkan perlindungan secara menyeluruh demi memastikan pengalaman pemilihan Tesla yang terbaik.

Pandu dengan senyuman dalam setiap perjalanan bersama **InsureMyTesla**.

Nota: Jarak pemanduan anda mungkin memainkan peranan penting dalam menentukan premium insurans anda. Jarak pemanduan yang rendah dapat memberikan penjimatan lebih banyak pada premium insurans anda!



Talian Perkhidmatan Pelanggan
1 300 88 8990 / 03 2268 3333



Emel
customer@libertyinsurance.com.my



Laman Sesawang
www.libertyinsurance.com.my



**Liberty
Insurance.**

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Kenyataan Penting:

- Anda dinasihati supaya membaca dan memahami ringkasan produk ini seperti yang tertera di dalam Lampiran Pemberitahuan Produk yang boleh didapati di laman web kami www.libertyinsurance.com.my
- Sekiranya kereta anda mengalami kemalangan, anda perlu menghantar kereta anda ke panel bengkel yang diluluskan oleh kami atau mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan.
- Kegagalan menghantar kereta anda ke panel bengkel yang diluluskan oleh kami untuk pembaikan akan dianggap sebagai pelanggaran polisi ini dan kami boleh menolak untuk membayar tuntutan Kerosakan Sendiri.
- Kami akan memastikan terdapat bilangan panel bengkel kami yang mencukupi untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada anda.
- Jika tiada panel bengkel pembaikan yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku kejadian, kami boleh mengikut budi bicara kami untuk memilih, sama ada membantu anda mengakses panel bengkel pembaikan kami yang berdekatan dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel terpilih tersebut tanpa sebarang kos untuk anda; atau membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di bengkel pembaikan kemalangan berdekatan yang telah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang ditentukan oleh kami.
- Sila rujuk ke terma dan syarat polisi untuk maklumat lanjut.
- Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

VER1125



**Liberty
Insurance.**

InsureMyTesla



**Perlindungan komprehensif
untuk kenderaan elektrik anda.**

InsureMyTesla

**Rakan kongsi insurans terpilih
untuk Tesla di Malaysia.**

Ditanggung jamin oleh:
Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Tingkatkan pengalaman pemilikan Tesla dengan pelbagai pilihan faedah.



Perlindungan Peril Khas (Bencana Alam)

Perlindungan ke atas kehilangan atau kerosakkan yang disebabkan oleh bencana alam.



Perlindungan Cermin

Perlindungan bagi penukaran atau pembaikan cermin.



Pelepasan Diskaun Tanpa Tuntutan

Pampasan untuk kehilangan NCD apabila anda membuat tuntutan.



Liabiliti Undang-undang untuk Penumpang

Perlindungan liabiliti undang-undang untuk penumpang yang terbabit dalam kejadian kemalangan.



Pampasan Kehilangan Penggunaan Kenderaan

Pampasan adalah berdasarkan bilangan hari yang diperlukan untuk membaiki kereta anda selepas kemalangan.

Liberty sebagai rakan kongsi insurans terpilih untuk Tesla di Malaysia kerana kami memahami keperluan khusus Tesla dan pelanggan-pelanggan kenderaan elektrik.

Faedah		Jumlah Diinsuranskan
A	Kehilangan atau kerosakan pengecas elektrik persendirian tanpa sengaja	Sehingga RM12,000 (polisi terhad kepada satu kes setiap tahun)
B	Khidmat tunda 24 jam untuk kehabisan bateri ke stesen pengecas elektrik (EV) yang terdekat	Jarak tempuh tidak terhad (polisi sehingga 3 kejadian setiap tahun)
C	Khidmat tunda 24 jam untuk kemalangan/kerosakkan	Jarak tempuh dan kejadian tidak terhad (tidak termasuk kehabisan bateri)
D	Penggantian atau pembaikan kunci kereta/pemancar	Sehingga RM1,000 (polisi terhad kepada satu kes setiap tahun)
E	Jaminan Mutu Kerja Pembaikan	Sehingga 12 bulan terhadap kecacatan pada bahagian baharu yang diganti dan mutu hasil pembaikan yang dilakukan oleh panel pembaikan Tesla
F	Pengecualian akses wajib untuk pemandu tidak dinamakan <i>*Ekses wajib sebanyak RM400 akan dikenakan jika anda atau pemandu lain yang memandu kenderaan anda adalah di bawah umur dua puluh satu (21) tahun, memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L) atau tidak dinamakan di dalam jadual sebagai pemandu dinamakan.</i>	Termasuk
Perlindungan Opsyenal tambahan dengan Premium Tambahan		Jumlah Diinsuranskan
A	Kemalangan Diri untuk Orang yang Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan (Kematian akibat Kemalangan / Hilang Upaya Kekal)	Sehingga RM50,000 atau RM100,000 setiap polisi tahunan
B	Perbelanjaan Perubatan untuk Orang yang Diinsuranskan atau Pemandu Dibenarkan	Sehingga RM3,000 setiap kemalangan
C	Perlindungan Liabiliti Peribadi untuk Pengecas Elektrik Persendirian atau Pengecas Elektrik Komersial	Sehingga RM30,000 setiap polisi tahunan